

# UMS terima 4,142 pelajar baru sesi 2010/2011

KOTA KINABALU: Seramai 4,142 pelajar baru akan mendaftar dan mengikuti pelbagai disiplin pengajian ijazah pertama dalam aliran Sains dan Sastera yang ditawarkan oleh 13 Sekolah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi sesi 2010/2011 yang bermula 3 Julai ini.

Mereka akan didaftarkan di Kampus Utama UMS Kota Kinabalu dan pengajian di Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni Universiti Malaysia Sabah, Prof. Madya Dr. Kasim Hj. Mansur, (gambar) berkata pelbagai program diatur untuk pelajar baru seperti program Minggu Suai Mesra.

Katanya, melalui Program Minggu Suai Mesra ini, secara langsung mendedahkan pelajar menanamkan semangat cintakan negara serta kepentingan ilmu akademik dan profesionalisme.

Di samping itu, katanya, ia dapat mewujudkan hubungan mesra sesama pelajar dan pegawai universiti dalam menjalankan interaksi nasional.

“Tidak dinafikan juga, melalui aktiviti Minggu Suai Mesra ini juga dapat membimbing pelajar menjadi bakal graduan yang berkualiti, berwibawa, berfikiran luas dan berhemah



serta aktif dalam kegiatan kokurikulum.

“Adalah menjadi tanggungjawab UMS untuk melahirkan pelajar yang berwibawa, inovatif, mempunyai ilmu dan kemahiran yang khusus serta seimbang melalui konsep pembelajaran liberal, selain menghasilkan golongan pelajar yang berkualiti, proaktif dan progresif,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, menjadi kewajiban pelajar memiliki semangat jati diri, beretika dan berakhhlak mulia serta mematuhi segala peraturan-

peraturan dan Akta Universiti dan Kolej. Pelbagai aktiviti kokurikulum, sosial, sukan dan motivasi diri akan dijalankan sepanjang Minggu Suai Mesra tersebut.

Sementara itu, Urusetia Minggu Suai Mesra akan menyediakan pengangkutan untuk pelajar baru dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Terminal Pengangkutan Tambang Murah (LCCT), Terminal Bas Utara dan Pantai Timur Sabah di perhentian bas utama Inanam, terminal feri dan perhentian bas Kota Kinabalu-Keningau.

Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran dan kemasukan pelajar menghubungi di Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS di talian 088-320000 sambungan 4222 atau melayari laman sesawang <http://www.ums.edu.my>.